

28 JUN 1997

Cerf-MSC

MSC MEDAN PERTUKARAN PENGALAMAN DAN IDEA

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Malaysia mendapat faedah yang besar dalam bentuk pertukaran pengalaman dan idea dengan negara-negara lain yang turut giat melaksanakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC), kata pencipta Internet Vinton G. Cerf.

"Kerjasama dan persefahaman boleh diwujudkan dengan negara-negara lain di dunia yang turut mencari pengalaman yang sama, dan seterusnya mencari jalan pengertian mengenai teknologi (Internet) yang diperkenalkan yang mungkin boleh dikongsi bersama," kata beliau.

Cerf, dikenali sebagai Bapa Internet, berada di sini sempena persidangan Inet `97. Beliau, yang dua kali ke sini, turut menyatakan hasratnya untuk bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengilhamkan idea pelaksanaan projek MSC di negara ini.

MSC terletak dalam kawasan seluas 50 kali 15 kilometer yang merangkumi bandaraya pintar berkembar Cyberjaya dan Putrajaya, Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Dr Mahathir kini dalam percutian selama dua bulan di luar negara.

Cerf turut memuji kerjasama Malaysia dengan Hungary untuk menjadikan Taman Teknologi Maklumat dan Inovasi (Infopark) Hungary sebagai pusat MSC di Eropah dalam gagasan kerjasama antarabangsa.

Menurut Cerf, adalah penting bagi MSC tidak memberi tumpuan keterlaluan kepada menyediakan prasarana gelombang udara tinggi tetapi hendaklah juga memfokuskan usaha kepada pengeluaran perisian yang mampu diterima sebahagian besar kawasan di dunia.

"Sebahagian besar daripada tempat di dunia ini tidak akan mampu memiliki keupayaan prasaran gelombang udara tinggi itu," kata Cerf yang kini bertugas sebagai pemegang amanah Internet Society yang berpusat di Amerika Syarikat.

Beliau berkata, MSC perlu meliputi kawasan pedalaman di negara ini agar semua boleh mengambil bahagian dalam projek MSC dan mendapat faedah daripada Internet. -- BERNAMA

NI HJ WNZ AHH